

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)40**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB AZMI BIN ALANG**

40. Ketelusan tawaran rumah secara percuma kepada warga asing oleh pihak UDA Land North Sdn Bhd melalui projek di Tanjung Tokong.
- (a) Bagaimanakah banciaan dan tawaran rumah ini telah melayakkan seorang warga asing iaitu pendatang asing tanpa izin (PATI) bagi mendapat rumah tersebut?
  - (b) Bagaimanakah hak warganegara terutamanya penduduk jati Pulau Pinang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

40. Proses tawaran unit rumah gantian bagi projek pembangunan semula di Kampung Tanjong Tokong, Pulau Pinang adalah berdasarkan perjanjian penyelesaian dan banciaan yang diuruskan sepenuhnya oleh pemaju induk iaitu UDA Land North Sdn. Bhd. bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelesaian Tanjong Tokong.
- (a) Semua tawaran yang dikeluarkan bagi projek pembangunan semula ini tidak melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau

Pinang (LPNPP). Sehubungan dengan itu, LPNPP tidak mempunyai maklumat berkaitan dakwaan bahawa terdapat tawaran unit rumah yang dikeluarkan kepada warga asing / pendatang asing tanpa izin (PATI).

- (b) LPNPP sentiasa mengutamakan penduduk jati Pulau Pinang di dalam urusan penawaran unit Rumah Mampu Milik (RMM) terutamanya untuk pemohon yang telah berdaftar melalui Sistem Maklumat Perumahan (SMP), LPNPP. LPNPP juga telah menetapkan syarat utama bagi permohonan RMM di Pulau Pinang iaitu pemohon mestilah warganegara Malaysia, pengundi berdaftar di Pulau Pinang dan anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Pulau Pinang bagi semua jenis permohonan RMM.